

# Kekalkan kestabilan, kemajuan dan kemakmuran

# **BN SUDAH TERUJI**

Oleh Zairee Zahir

BM 19 JUN 1997

KUALA LUMPUR: Kerajaan Barisan Nasional (BN) sudah teruji dan berjaya membuktikan ia dapat memenuhi kehendak serta aspirasi semua kaum di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan adalah penting rakyat terus memberi sokongan kepada kerajaan BN demi mengekalkan kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, kerajaan mengamalkan dasar dan pendekatan sesuai manakala pemimpinnya pula bertanggungjawab, berkemampuan dan memberi perhatian serius terhadap kepentingan rakyat dan negara.

"Kerajaan BN bersikap adil kepada semua kaum dan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara sehingga dunia dapat melihat negara aman dan makmur serta tiada berlaku rusuhan kaum.

"Lebih penting lagi, pemimpin BN tidak keterlaluan, sebaliknya mereka 'moderate' iaitu bersikap sederhana," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA kali ke-41 di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menentang keras sebarang bentuk ekstremism, sama ada berbentuk perkauman atau keagamaan kerana ia tidak mendatangkan kebaikan kepada rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Menurutnya, sikap ekstremisme itu hanya akan membawa kepada ketidakstabilan dan rusuhan, seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina yang masih dilanda perang kerana sikap serta keganasan pemimpin Serb yang ekstrim.

Katanya, itulah yang membezakan pemimpin BN dengan parti lawan di negara ini kerana dalam usaha kerajaan bersikap bertanggungjawab memelihara imej, prestasi dan berusaha membangunkan negara, pemimpin parti lawan menolak dan meniadakan kenyataan itu sehingga sanggup menghina rakyat dan negara sendiri.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia kini boleh berbangga kerana lebih terkenal di dunia disebabkan beberapa kejayaan yang dicapai, negara tidak seharusnya berasa sombong.

"Sebaliknya, dengan rendah hati kita perlu berusaha lebih kuat untuk mencapai matlamat kerana banyak perlu dibuat sebelum Wawasan 2020 menjadi kenyataan," katanya.

Menurutnya, selain keyakinan diri, keharmonian dan perpaduan kaum juga adalah asas utama yang perlu sentiasa dipelihara untuk

LIHAT MUKA 2

# Terjadi

# BN

19 JUN 1994

# sudah

# teruji

## DARI MUKA 1

memastikan kestabilan negara.

Dr Mahathir berkata, demam pilihan raya umum yang disebarkan oleh pemimpin parti politik pembangkang berpunca daripada rasa takut mereka kerana tidak ada isu yang hendak dimainkan.

Katanya, Kerajaan BN mempunyai mandat sehingga Oktober 1995 untuk memerintah negara dan pucuk pimpinan belum memutuskan tarikh bagi pilihan raya itu.

Bagaimanapun, Kerajaan BN, katanya, sentiasa bersiap sedia dan tidak risau dengan demam itu kerana BN mempunyai 'ubat yang mujarab' untuk mengatasinya seperti yang dibuktikan dalam pilihan raya lalu.

Ketika ditemui pemberita selepas perasmian itu, Dr Mahathir berkata, jentera pilihan raya BN sudah 90 peratus bersedia dan hanya menunggu masa untuk digerakkan.

Menurutnya, kerajaan sentiasa memastikan jentera pilihan raya pelbagai peringkat dari kawasan kampung hingga ke kawasan bandar itu bersedia sepanjang masa, terutama ketika menghadapi pilihan raya kecil.

Oleh itu, katanya, tidak timbul soal bahawa BN perlu memastikan jentera itu bersedia terlebih dahulu sebelum mengumumkan tarikh pilihan raya.

"Soalnya sekarang ialah siapakah yang lebih berkemampuan dan sama ada parti lawan boleh menghadapi jentera pilihan raya BN ini atau tidak," katanya.

Perdana Menteri juga menolak dakwaan bahawa kerajaan perlu menunggu masa ketika negara mengecap ekonomi yang tinggi dan parti pembangkang kehabisan isu untuk mengumumkan tarikh pilihan raya.

Bagaimanapun, beliau menganggap keghairahan pemimpin dan parti komponen BN bercakap mengenai pilihan raya adalah petanda baik bahawa BN bersemangat menghadapi pilihan raya umum kali